

PM: Proses tender projek tebatan banjir disegerakan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Proses tender projek tebatan banjir disegerakan sebagai usaha mengurangkan tekanan menghadapi bencana alam untuk tempoh akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau telah mengarahkan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican untuk menyegerakannya.

Katanya, ia sebagai usaha jangka panjang untuk mengurangkan tekanan menghadapi bencana alam itu untuk tahun-tahun akan datang.

“Langkah-langkah segera lain seperti membeli *water jet* telah dilakukan untuk membantu usaha pasca banjir.

“Kita percaya usaha ini memberi makna cukup besar kepada rakyat di bawah yang menghadapi tekanan,” katanya berucap dalam majlis pelepasan pasukan sukarelawan penjawat awam pasca banjir ke Johor di sini, semalam.

Menurut Anwar, bantuan sukarelawan penjawat awam itu sebagai sokongan kepada keluarga dan jabatan kerajaan di Johor yang tidak mampu mengendalikan pasca bencana tanpa usaha tambahan.

Jelas beliau, sokongan bantuan penjawat awam itu adalah khidmat secara sukarela me-



ANWAR Ibrahim (dua dari kanan) melepaskan pasukan sukarelawan penjawat awam pasca banjir ke Johor di Dataran Putrajaya, semalam. Seramai 1,520 orang terlibat dalam misi itu. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

lebih tugas hakiki mereka.

“Pasca banjir juga mencabar, jadi tidak mampu keluarga dan jabatan sedia ada di Segamat atau Batu Pahat melainkan ada usaha tambahan.

“Khidmat ini bukan tugas hakiki, ini tugas tambahan, sukarelawan, tugas yang tidak kenal penat lelah.

“Ini satu permulaan yang baik sebelum Ramadan dan merupakan ibadah yang kita sempurnakan dengan baik, saya doakan moga perjalanan berjalan lancar dalam tempoh dua hari ini,” katanya.

Seramai 1,520 penjawat

awam terlibat dalam Pasukan Sukarelawan Perkhidmatan Awam (PSPA) mewakili semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dengan tumpuan bantuan ke kawasan yang terjejas di daerah Batu Pahat.

Usaha pada kali ini lebih tertumpu kepada aspek pembersihan fasiliti perubatan, pendidikan, bangunan kerajaan serta tempat-tempat awam.

Antara bantuan adalah tenaga kerja pembersihan, sumbangan bakul makanan, alatan pembersihan dan kelengkapan asas persekolahan, penyelenggaraan kenderaan kecil, baik

pulih peralatan elektrik termasuk kerja-kerja pendawaian berskala kecil serta khidmat psikologi dan kaunseling.

Sebanyak 153 buah kenderaan yang terdiri daripada 26 buah bas/ coaster, 16 buah van, lapan buah lori, 64 buah kenderaan pacuan empat roda dan 39 buah kereta digerakkan dalam operasi bantuan kali ini.

Kerajaan melalui Mesyuarat Pasa Kabinet Jabatan Perdana Menteri pada 17 Mac lalu memutuskan supaya PSPA digerakkan semula bagi pengurusan pasca banjir di kawasan-kawasan yang terjejas.